

Anwar temui PM Thailand hari ini

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Thailand, Srettha Thavysin, hari ini, di Sadao, selatan Thailand bagi meningkatkan hubungan dua hala dengan lebih baik termasuk dalam aspek pelancongan.

Perdana Menteri berkata, perbincangan akan diadakan bersama pemimpin Thailand itu bagi pembangunan di kawasan utara Semenanjung dan empat wilayah di negara terbabit bagi menjamin ekonomi, kedamaian dan keamanan.

“Esok (hari ini) saya akan ke sempadan Sadao dan Bukit Kayu Hitam bersama Perdana Menteri Thailand di mana pendekatan kita adalah memastikan perjala-

nan dua hala lebih baik dan cepak bagi menggalakkan pelancongan antara rakyat dua negara,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan penggulungan Kongres Nasional Keadilan 2023, di sini, semalam.

Pada masa sama, Anwar turut membidas dakwaan bahawa perjalanan antarabangsa yang dilakukannya sebagai pemimpin negara adalah suatu pembaziran kerana ia perlu ditunaikan untuk membawa pelaburan,

Beliau berkata, dalam konteks ASEAN, Anwar turut mahu hubungan dengan Singapura ditingkatkan khususnya membabitkan isu air, ruang udara dan pintu sempadan yang perlu diselesaikan dengan tekad politik.

Katanya, sentimen dan prasangka lama antara Malaysia dan Singapura harus dibenamkan dan sebarang isu yang terbantut selama ini perlu diselesaikan bagi memberikan keuntungan kepada kedua-dua negara.

“Dalam beberapa kali pertemuan saya dengan Perdana Menteri Singapura (Lee Hsien Loong), saya beritahu bahawa pentadbiran Kerajaan Perpaduan ambil sikap positif.

“Saya terima perakuan beliau bahawa semua hal terbantut sama ada soal air, ruang udara, sempadan, kita sudah tunggu puluhan tahun harus ada tekad politik untuk menyelesaikan dan memberi keuntungan kepada kedua-dua negara,” katanya.